**NO. SOALAN : 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]** |
| **TARIKH** | : | **11 MAC 2015 (RABU)** |
| **SOALAN** | : | |

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenyataan Pejabat Perdana Menteri mengenai sabit kesalahan Ketua Pembangkang Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang membayangkan secara silap bahawa beliau telah melakukan *"serious sexual assault"* ke atas seorang individual, yang sebenarnya bertentangan dengan pendirian yang diambil oleh pihak Pendakwa Raya.

**JAWAPAN: <u>YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI</u>**
**<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara berpendirian bahawa kesalahan persetubuhan di luar tabii seperti yang disabitkan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan kesalahan yang serius.

2. Sehubungan dengan itu, kenyataan media Pejabat Perdana Menteri berhubung sabitan kesalahan Dato' Seri Anwar Ibrahim oleh Mahkamah Persekutuan pada 10 Februari 2015 adalah konsisten dengan pendirian Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SO**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2015**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratusan hutang isi keluarga *(household debts)* mengikut pendapatan isi keluarga iaitu kurang dari RM5,000 sebulan, RM5,000-10,000 sebulan, RM10,000-20,000 sebulan dan lebih dari RM20,000 sebulan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada YB Gopeng pada hari ini bersama-